

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-14  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN  
RAZALI [ KUALA NERUS ]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan Kerajaan untuk merealisasikan konsep wakaf sebagai strategi mempelbagaikan sumber kewangan untuk membiayai perniagaan dan meningkatkan ekuiti Bumiputera di negara ini.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN) dibangunkan bertujuan bagi merealisasikan potensi wakaf dan dirumus selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). PIWN antara lain bermatlamat bagi membina serta memperkasa keupayaan pihak berkepentingan secara inklusif dan berkesan dengan memfokuskan kepada sumber manusia, teknologi, standard dan amalan terbaik. Ini termasuk menjadikan wakaf sebagai sumber kewangan untuk membiayai perniagaan dan meningkatkan ekuiti Bumiputera di negara ini.

2. Sebagai langkah permulaan ke arah merealisasikan perkara ini, sektor pembangunan ekonomi dijadikan sebagai salah satu sektor agihan di Yayasan Waqaf Malaysia, bertujuan memperhebatkan lagi penjanaan dana wakaf yang akhirnya akan memberi manfaat kepada pelbagai pihak. Bermula tahun 2022, inisiatif-inisiatif berikut akan dilaksanakan dengan penglibatan Majlis Agama Islam Negeri, iaitu:

- (a) Wakaf Pertanian atau WATANI melalui kerjasama antara Yayasan Waqaf Malaysia dengan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Program ini akan memberi manfaat kepada golongan yang hilang pekerjaan, asnaf, OKU, penganggur, B40 dan pelajar lepasan TVET. Selain golongan di atas, usahawan PKS juga akan dilantik bagi membantu mengkomersilkan produk industri hiliran.
- (b) Wakaf Halal PKS melalui kerjasama antara Yayasan Waqaf Malaysia dan Halal Development Corporation Berhad (HDC) di mana menerusi kerjasama ini, Yayasan Waqaf Malaysia akan menjana dana wakaf untuk dijadikan sebagai pinjaman Qardhul Hasan kepada usahawan PKS dari golongan B40 dan golongan asnaf bagi membantu mengembangkan perniagaan mereka.
- (c) Wakaf Armalah melalui penubuhan Tabung Cakna Wakaf Armalah yang akan dimanfaatkan oleh golongan armalah (iaitu ibu tunggal dan janda untuk memulakan perniagaan).

3. Sebagai makluman Yang Berhormat juga, Yayasan Waqaf Malaysia dengan menggunakan Dana Manfaat Wakaf telah membantu menyediakan modal perniagaan kepada 10 usahawan asnaf yang telah dikenal pasti di Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Sekian, terima kasih.